

NO SOALAN : 71

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN ABD  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 25.3.2015  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah pihak TLDM telah meneruskan perolehan Magnetron 5999-12-357-1247 sebanyak 6 unit lagi seperti yang ditunjukkan dalam Rekod Sejarah Permohonan/Pengeluaran Pembekalan dan Penerimaan/Semak Stok alat ganti tersebut dan berapakah jumlah kos yang perlu dibayar serta nyatakan nama pembekal peralatan tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Depot Bekalan Armada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah menanggungkan perolehan 6 unit Magnetron ini. Merujuk kepada permohonan dalam Rekod Sejarah Permohonan ianya adalah merupakan permohonan biasa dan tujuan permohonan adalah untuk simpanan stok.**